

SIARAN SEGERA**KENYATAAN MEDIA****JENTERA SWM ENVIRONMENT KIBAR JALUR GEMILANG SEMPENA BULAN KEBANGSAAN**

MELAKA, 10 OGOS 2020 – Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020, SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) mengambil inisiatif mengibarkan Jalur Gemilang di semua 267 buah jentera pembersihan miliknya di negeri ini.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata, usaha itu juga bagi menyahut seruan Kerajaan sempena pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 dengan tema '*Malaysia Prihatin*'.

"Pemasangan Jalur Gemilang ini adalah simbolik kepada semangat patriotisme cintakan kepada negara tanah tumpah darah kita ini seiring dengan sambutan Hari Kemerdekaan ke-63. Kami berharap inisiatif ini dapat menyuburkan lagi nilai patriotik dalam kalangan masyarakat umum termasuk juga warga kerja SWM Environment," katanya.

Acara pelepasan (*flag off*) jentera SWM Environment yang dihias dengan Jalur Gemilang telah disempurnakan oleh Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan Negeri Melaka, YB Datuk Muhammad Jailani Khamis dalam satu program Kibarkan Jalur Gemilang Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-63 anjuran bersama dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) di Taman Rempah, Melaka pada Sabtu lalu (8 Ogos).

Menurut Mohd Norlisam, pemasangan Jalur Gemilang di kenderaan SWM Environment juga sebagai tanda menzahirkan sokongan solidariti kepada semua wira barisan hadapan yang berjuang memerangi wabak COVID-19.

"Bersesuaian dengan tema '*Malaysia Prihatin*', SWM Environment ingin menyatakan penghargaan kepada semua hero yang tidak didendang termasuklah warga kerja pembersihan SWM Environment yang telah bertungkus-lumus menjaga kebersihan ketika negara dilanda pandemik COVID-19," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru orang ramai agar mengambil semangat Sambutan Bulan Kebangsaan ini untuk memerdekakan mentaliti dengan berhijrah ke arah ingin mempertingkatkan kebersihan di kawasan kediaman masing-masing, perjiranan, negeri dan negara kita dengan mengamalkan pengurusan sisa dengan lebih berhemah seperti pengasingan

sisa di punca (*separation at source – SAS*) dan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*). Sikap dan tabiat membuang sampah merata-rata dan pengurusan sisa pepejal yang tidak teratur harus dielak dan dihentikan.

Beliau menambah, sudah tiba masanya rakyat mempunyai kesedaran yang lebih tinggi dan mantap tentang tanggungjawab menjaga kebersihan dan menguruskan sampah atau sisa pepejal ini bukan hanya terletak di bahu Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), syarikat konsesi dan pekerja-pekerja kutipan dan pembersihan semata-mata, malah ianya memerlukan kerjasama daripada semua pihak khususnya orang ramai yang menjadi sumber janaan sampah dan sisa pepejal.

“Masalah kebersihan akan terus berulang jika masyarakat tidak ‘membebaskan’ diri daripada sikap buruk tersebut. Sebaliknya kesedaran mengenai kebersihan pasti dapat dicapai jika masyarakat memiliki mentaliti yang merdeka,” katanya.

-TAMAT-

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus

secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Google Play*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Noor Che Wah Ramli

Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Korporat

SWM Environment Sdn Bhd

Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,

Kawasan Perindustrian Cheng,

75250 Melaka.

(Tel) 06-3350191

(Faks) 06-3350117

(Emel) wah.ramli@swmsb.com